

MAJLIS PENUTUP DAN PEMAKAIAN SAYAP PENERJUNAN DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4026-majlis-penutup-dan-pemakaian-sayap-penerjunan-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 17 Okt 18 – Majlis Penutup dan Pemakaian Sayap Penerjunan kepada penuntut Pelepas Terjun Bebas Tempur TUDM siri 15/18, Kursus Terjun Bebas TUDM siri 39/18 dan Kursus Terjun Statik Tempur TUDM siri 66/18 yang terdiri daripada 5 Pegawai dan 55 Anggota Lain-lain Pangkat.

Majlis Pemakaian Sayap Penerjunan, penyampaian sijil serta perasmian penutup telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM bertempat di Hangar SAR Pangkalan Udara Gong Kedak. Turut hadir sama pada majlis tersebut Pegawai Memerintah No 11 Skuadron, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM, Pegawai Memerintah Sekolah Latihan Tempur TUDM, Lt Kol Jefriddin bin Bahari TUDM, Pegawai Laksana Pangkalan, Lt Kol Wan Zainal Abidin bin Wan Yaacob TUDM, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan Jurulatih Sekolah Latihan Tempur TUDM.

